

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	2 MARCH 2015

Melayu kena terus kukuh ekonomi

BH - 2/3/2015

Kuala Lumpur: Orang Melayu perlu terus mengorak kemajuan dan mengukuhkan ekonomi untuk menjadi bangsa berpengetahuan tinggi, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri yakin matlamat itu berupaya dicapai berdasarkan semangat yang ditunjukkan peserta Perhimpunan Perpaduan Melayu di Bukit Jalil, khususnya beliau malam kelmarin.

Bagaimanapun, katanya, untuk Melayu menjadi bangsa disegani di mata dunia, mereka tidak harus leka, sebaliknya perlu meningkatkan

usaha dan berdikari supaya mengukuhkan pegangan ekonomi.

Tingkat usaha latih Melayu
"Kita perlu tingkatkan usaha dengan melatih orang Melayu menjadi bangsa berpengetahuan dan mengukuhkan ekonomi mereka.

"Melayu juga perlu memperjuangkan kepentingan agama dan syiar Islam, selain mempertahankan institusi Raja Melayu dan keistimewaan orang Melayu," katanya.

Beliau berkata demikian menerusi entri di blog rasmi-

nya, semalam.

Najib turut menyuarakan amanat supaya umat Islam menegakkan Maqasid Syariah menerusi sikap sederhana, menjaga nilai-nilai murni dan institusi keluarga.

Panduan itu, katanya, wajar dijadikan wadah dalam mempejuangkan kemajuan Melayu dan memelihara kesucian Islam di negara ini.

"Saya yakin seandainya kita kekalkan keutuhan perpaduan dan berusaha ke arah memajukan bangsa, tiada apa yang tidak mampu kita kecapai bersama," katanya.

u

Untuk Melayu menjadi bangsa disegani di mata dunia, mereka tidak harus leka, sebaliknya perlu meningkatkan usaha mengukuhkan pegangan ekonomi"

Najib Razak,
Perdana Menteri